



9 JUN 2015
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN**

JPJ: Tiada polisi berikan kain sarung kepada pelanggan

Merujuk kepada *posting* pengguna Facebook mengenai kunjungan beliau ke JPJ, pihak JPJ berasa amat kesal dengan kejadian ini dan memohon maaf kepada Puan Tan di atas kesulitan yang beliau alami.

JPJ ingin menegaskan bahawa tiada peraturan yang menyatakan bahawa pelanggan perlu diberikan kain sarung jika mereka tidak menepati garis panduan kod etika pakaian. Apa yang terjadi jelas telah menyulitkan urusan pelanggan tersebut.

Lebih penting lagi, JPJ sentiasa proaktif dalam memberi khidmat kepada orang ramai bagi memastikan mereka memperolehi perkhidmatan yang baik dan efisien.

Kami ingin memaklumkan bahawa pejabat JPJ adalah tertakluk kepada garis panduan kod etika pakaian yang telah ditetapkan, sama seperti pejabat kerajaan yang lain.

[TAMAT]